

02 MAR 1997

PERDANA MENTERI CROATIA SELAMAT TIBA DI SINI

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa tiba di sini petang ini untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari.

Beliau disambut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar selaku Menteri Pengiring dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Yang turut serta dalam rombongan 16 anggota itu ialah beberapa orang menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Lawatan Matesa ialah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Croatia tahun lepas serta bagi mengeratkan hubungan politik, ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia.

Selama di sini, Matesa dijangka menemui Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir.

Beliau juga akan melawat Tenaga Nasional Berhad, Maybank dan Multimedia Corporation Berhad. -- BERNAMA

RAZ NAK